

# PERJUANGAN UMAT ISLAM MELALUI POLITIK DI INDONESIA

Oleh:  
Abdul Halim Hj. Mat Diah\*  
Muqoddam Cholil\*\*

## Abstract

*Islamic political struggle in Indonesia began in the year 1945 with the establishment Parti Islam Masyumi on November 7, 1945. Parti Islam Masyumi consists of Islamic organizations in Indonesia especially Nahdlatul Ulama and Muhammadiyah. It succeeded to gain the second place in the first Indonesian election in 1955 but finally dissolved by President Soekarno in 1960. With the coming of the New Order, Parti Islam Masyumi regained its role especially through Partai Persatuan Pembangunan. The replacement of the New Order with the reformation era led to the establishment of numerous Islamic Parties and they played important roles in political upheaval of Indonesia till present.*

## Pendahuluan

Pengisytiharan kemerdekaan Republik Indonesia pada tarikh 17 Ogos 1945 menandakan berakhirnya sistem penjajahan kejam

---

\* Abdul Halim Hj. Mat Diah, Ph.D adalah Profesor di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

\*\* Muqoddam Cholil, Ph.D adalah Setiausaha Agung Solidariti Indonesia Untuk Rakyat Palestin.

Jepun mahupun Belanda. Takdir Allah S.W.T. dan pusingan roda sejarah telah merubah seluruh tahanan pemerintahan. Seluruh sistem politik penceroboh selama hampir 350 tahun yang diterapkan terhadap penduduk Indonesia yang majoritinya umat Islam harus diberhentikan serta-merta. Runtuhnya sistem penjajahan itu turut membuka jalan bagi umat Islam untuk mengamalkan Islam secara sempurna. Sebahagian besar umat bersatu dengan menubuhkan parti politik Islam yang bertujuan menyatukan suara dalam membina negara yang baru tersebut, walaupun ada juga sebahagian kecil yang mengambil sikap keras seperti penentangan Darul-Islam (DI)/Tentara Islam Indonesia (TII). Sejak kemerdekaan sehingga kini perjuangan politik umat Islam belum pernah berhenti.

## **Zaman Orde Lama**

Hampir sepanjang penjajahan Belanda selama 350 di tanah pendudukan tidak pernah sunyi dari penentangan fizikal umat Islam yang telah mengorbankan beribu-ribu pejuang. Selain dengan penentangan fizikal, dalam perjuangan ini tumbuh pula institusi-institusi baru dengan menggunakan pertubuhan moden yang di dalam sejarah politik Indonesia dinamakan pergerakan kemerdekaan dengan tujuan membebaskan diri dari belenggu penjajahan. Pergerakan berbentuk pertubuhan moden ini mulai tumbuh pada permulaan abad XX. Syarikat Dagang Islam ditubuhkan pada tahun 1905 yang kemudian menjadi Parti Syarikat Islam.<sup>1</sup> Pertubuhan ini tercatat dalam sejarah moden Indonesia sebagai pertubuhan pergerakan Islam pertama mendahului pertubuhan Boedi Oetomo yang ditubuhkan pada tahun 1911, Muhammadiyah ditubuhkan pada 18 November 1912 di Yogyakarta<sup>2</sup>, Nahdlatul Ulama (NU) ditubuhkan pada tahun 1926<sup>3</sup> dan lain-lain.

---

<sup>1</sup> Deliar Noer (1982), *Gerakan Moden Islam 1900-1942*. Jakarta: LP3ES, h. 115.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 84

<sup>3</sup> *Ibid.*, h. 242.

Sejak tahun 1945, sebahagian besar tokoh Islam berusaha menjadikan Islam sebagai dasar bernegara. Hal itu dapat ditelusuri perjuangan mereka di dalam parlimen dengan berjaya merumuskan Piagam Jakarta.<sup>4</sup> Dalam pelbagai perspektif pemikiran politik kenegaraan, masalah konsep Piagam Jakarta sering menjadi rujukan yang diketengahkan sebagai tema utama dalam usahanya meraih sokongan umat Islam, sejak kemerdekaan sehingga era reformasi. Pemansuhan tujuh kata tersebut merupakan permulaan kekalahan ahli politik Islam terhadap kumpulan intelektual sekular, yang untuk beberapa tahun ke depan menguasai sistem politik di Indonesia di bawah pimpinan Presiden Soekarno.<sup>5</sup>

Kerajaan Indonesia mengeluarkan peraturan Maklumat Nombor 10 tarikh 16 Oktober 1945, kemudian disusuli dengan Maklumat tarikh 3 November 1945 yang ditandatangani oleh Naib Presiden Mohammad Hatta,<sup>6</sup> isinya adalah gesaan kerajaan untuk menubuhkan parti-parti politik. Latar belakang penubuhan parti tersebut adalah usaha kerajaan untuk membina pandangan antarabangsa bahawa kerajaan Indonesia yang diisytiharkan mendapat sokongan secara meluas, dibuktikan dengan adanya parti-parti politik yang menyokong kerajaan baru tersebut.

---

<sup>4</sup> Piagam Jakarta atau Jakarta Charter ditandatangani di Jakarta pada 22 Jun 1945 oleh sembilan tokoh terkemuka Indonesia dan pelbagai golongan tetapi hanya mampu bertahan selama 56 hari sahaja. Pada tarikh 18 Ogos 1945 tujuh kata penting dalam Piagam tersebut dimansuhkan oleh Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia (PPKI) yang dibentuk oleh Jepun pada 14-15 Ogos 1945, anggotanya terdiri daripada 27 orang. Pada awalnya hanya 21 orang, kemudian ditambah 6 orang yang mahu memansuhkan Piagam Jakarta, orang-orang tambahan tersebut adalah Wiranatakusumah, Ki Hajar Dewantara, Kasman Singodimedjo, Sayuti Melik, Koesumo Soemantri, dan Soebarjo. Tujuh kata yang dimansuhkan tersebut iaitu : “ dengan kewajiban menjalankan syariat Islam bagi pemeluk-pemeluknya”. Firdaus A.N, K.H. (1999), *Dosa-dosa Politik Orde Lama dan Orde Baru yang tidak boleh berulang, di Era Reformasi*. Jakarta: Pustaka al-Kausar, hh. 20 - 21.

<sup>5</sup>Soekarno termasuk salah seorang yang menconteng tujuh kata tersebut walaupun pada mulanya beliau termasuk yang menandatangani Piagam Jakarta tersebut.

<sup>6</sup> Kementerian Republik Indonesia (1945), *Kepercayaan di Indonesia*, h. 7.

Dengan dasar maklumat kerajaan tersebut, maka bermulalah penubuhan parti politik di Indonesia dengan pelbagai asas dan matlamatnya. Parti-parti politik yang berbasis massa Islam yang lahir pada periode tahun 1945-1949 antaranya ialah Pergerakan Tarbiyah Islamiyah (Perti), Parti Syarikat Islam Indonesia (PSII) dan Parti Masyumi (Majlis Syura Muslimin Indonesia). Perjuangan mereka yang selama ini diwarnai dengan kekuatan fizikal untuk mengusir penjajah telah beralih kepada perjuangan politik yang menggunakan sarana parti politik. Cara yang ditempuh mereka itu sebagai satu usaha untuk meraih kemenangan di dalam menegakkan syariat Islam.

Parti Masyumi merupakan parti Islam terbesar pada zaman Orde Lama yang ditubuhkan di Yogyakarta pada 7 November 1945 oleh kumpulan umat Islam yang bernama Majlis Syura Muslimin Indonesia (Masyumi). Parti ini disokong oleh hampir keseluruhan pertubuhan Islam, penyokong terbesar adalah Nahdhatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah. Tujuan penubuhannya adalah untuk menegakkan kedaulatan dan agama Islam, serta melaksanakan cita-cita Islam dan urusan kenegaraan.

Penubuhan Masyumi ini adalah aplikasi dari kehidupan demokrasi itu. Pada masa yang sangat susah, kumpulan penyokong ideologi Islam bekerjasama secara erat dengan kumpulan penyokong kebangsaan sekular. Perbezaan fahaman tentang dasar negara pada bulan-bulan menjelang kemerdekaan tidak menghalang kedua kumpulan itu saling tolong-menolong. Kemudian ketika Partai Komunis Indonesia (PKI) melakukan rampasan kuasa pada tahun 1948, kedua-dua kekuatan tersebut menghadapinya bersama-sama.

Menurut K.H. Saifuddin Zuhri, seorang tokoh Nahdhatul Ulama pada zaman penjajahan Jepun, Masyumi di bawah kepimpinan K.H. Hasyim Asy'ari merupakan sebuah pertubuhan perjuangan umat Islam di Indonesia. Sejak saat itu Masyumi memegang peranan aktif dalam menggerakkan rakyat untuk melawan

kaum penjajah.<sup>7</sup> Masyumi merupakan pakatan dan empat pertubuhan Islam besar di Indonesia iaitu Muhammadiyah, Nahdlatul Ulama, Perikatan Umat Islam dan Persatuan Umat Islam Indonesia mempunyai penyokong umat Islam yang besar di Indonesia khususnya Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah. Secara umumnya, Nahdlatul Ulama mempunyai ramai penyokong di kalangan Islam tradisionalisme di desa-desa sementara Muhammadiyah mempunyai ramai penyokong Islam moden di bandar-bandar.

Masyumi sememangnya kental dengan perjuangan politik umat Islam, fakta-fakta tersebut adalah Masyumi tertubuh sebagai sebuah parti politik Islam yang mempunyai pandangan moden. Masyumi banyak menyalurkan aspirasi politik umat Islam sebelum berpecah. Parti Syarikat Islam Indonesia (PSII) memisahkan diri pada tahun 1947 diikuti oleh Nahdlatul Ulama pada tahun 1951. Perpecahan tersebut telah menyebabkan suara Islam turut berpecah terutamanya Nahdlatul Ulama yang mempunyai pendukung terbesar di antara pakatan-pakatan yang ada di dalam Masyumi. Walau bagaimanapun, Masyumi sekurang-kurangnya pada ketika itu telah berjaya menyatukan umat Islam.

Peranan politik Masyumi dalam kabinet parlementer terus meningkat. Pada tahun 1948, Sjafruddin Prawiranegara sempat sebentar menduduki jawatan Pegawai Presiden dalam pemerintahan Kecemasan Republik Indonesia di Bukit Tinggi. Pada tahun 1950-an, beberapa tokoh Masyumi berjaya memegang jawatan Perdana Menteri iaitu Dr Mohammad Natsir, Dr Sukiman Wijiwasandjojo, dan Dr Burhanuddin Harahap.

Kejayaan Masyumi menyatukan umat Islam dan berjaya menjadi parti politik Islam terbesar pada zaman Orde Lama menyebabkan Soekarno tidak menyukainya. Akhirnya, dengan

---

<sup>7</sup> Saefuddin Zuhri K.H. (1981), *Kaleidoskop Politik Indonesia*, Jil. 2. Jakarta: Gunung Agung, h. 37.

alasan yang sangat tidak munasabah Masyumi diharamkan berdasarkan keputusan Presiden nombor 200 pada tahun 1960 bertarikh 17 Ogos 1960.<sup>8</sup> Jika dilihat bermula dari pilihanraya pertama yang dilaksanakan pada 29hb. September 1955, ternyata Masyumi merupakan parti politik Islam yang sangat berpengaruh. Namun pada bulan April 1960 iaitu di akhir pemerintahan Soekarno, Masyumi disingkirkan serta dikeluarkan daripada Dewan Perwakilan Gotong-Royong (DPRGR) dan Presiden Soekarno memerintahkan supaya menutup seluruh aktivitinya selama empat bulan yang bermaksud diharamkan. Salah satu alasan beliau mengambil tindakan sedemikian adalah kerana para pemimpinnya terlibat dalam penentangan-penentangan atau memberikan bantuan, sementara parti itu secara tidak rasmi menyalahkan perbuatan para ahlinya.<sup>9</sup>

Setelah Masyumi diharamkan, ramai para tokohnya dimasukkan ke dalam penjara dengan alasan yang tidak jelas seperti Dr Mohammad Roem, Prawoto Mangkusasmito, K.H. Isa Anshari, Yunan Nasution, Dr Mohammad Natsir, Syafruddin Prawiranegara, Burhanuddin Harahap, Kasman Singodimedjo, dan Yusuf Wibisorio. Bersama-sama mereka turut juga ditahan ialah Buya Hamka, Assaat, dan K.H. E.Z. Muttaqien.<sup>10</sup> Ringkasnya, Islam zaman Orde Lama dipencilkan oleh Presiden Soekarno dengan beberapa cara iaitu mengharamkan Masyumi, memenjarakan tokoh-tokohnya dan Soekarno berhubungan rapat dengan Partai Komunis Indonesia sebagai lawan besar umat Islam.

---

<sup>8</sup> Ahmad Syafi'i Ma'arif (1985), *Studi tentang pencalunan dalam Konstituante, Islam dan masalah kenegaraan*. Jakarta: LP3ES, h. 187; Abdul Qadir Djaelani (2001), *Anak Rakyat Jelata Mencoba Berjuang Menegakkan Islam*. Jakarta: Yayasan Pengkajian Islam Madinah al-Munawwarah, hh. 142 – 143; B.J. Boland (1971), *The Struggles of Islam in Modern Indonesia*. The Hague: Martinus Nijhoff, h. 103.

<sup>9</sup> Ahmad Syafi'i Ma'arif (1985), *op.cit.*, h.103.

<sup>10</sup> B.J. Boland (1971), *op. cit.*, h. 187.

Menjelang keruntuhan Orde Lama, berlaku pengkhianatan Partai Komunis Indonesia (PKI) yang melakukan cubaan rampasan kuasa dan korban keganasan terbesar tersebut adalah umat Islam. Kemunculan Orde Baru menggantikan Orde lama yang dipimpin oleh Presiden Soeharto sama sekali tidak memberikan kesempatan umat Islam untuk berperanan aktif dalam politik. Umat Islam yang berjasa besar meruntuhkan Orde Lama dan berjaya meletakkan Orde Baru menerajui pemerintahan justeru itu memencilkan umat Islam. Oleh kerana umat Islam sentiasa ditekan maka muncullah penentangan dari pelbagai arah.

Pengharaman Masyumi tidak menyebabkan para pengasas dan tokohnya berhenti berpolitik. Mereka tetap berusaha mencari jalan keluar untuk tetap konsisten berdakwah. Oleh kerana itu, pada awal Orde Baru tepatnya pada tahun 1967, Dr Muhammad Natsir, Dr Anwar Harjono dan beberapa tokoh Masyumi yang lain telah menubuhkan Dewan Dakwah Islamiyyah Indonesia (DDII) iaitu sebuah pertubuhan dakwah besar di Indonesia untuk menyatukan langkah umat Islam dalam berdakwah setelah usaha menghidupkan semula parti itu menemui jalan buntu.

Perjuangan dan dunia politik ke dunia dakwah bukan kerana satu-satunya pilihan tetapi lebih kepada keadaan umat Islam. Pada tahun-tahun sebelumnya iaitu sekitar tahun 1950 ramai umat Islam yang tidak tertarik bahkan menolak untuk menerima syarat Allah sebagai sumber hukum. Mereka juga memahami bahawa untuk mengubah umat Islam tidak semestinya melalui parlimen tetapi juga dapat dilakukan melalui institusi dakwah.

Dengan jaringan-jaringan masjid yang ditubuhkan, DDII menjadi sebuah saluran komunikasi dakwah di antara para ulama dan masyarakat. Ini memungkinan idea-idea Dr Muhammad Natsir dan tokoh-tokoh Masyumi yang lain didengar oleh masyarakat secara meluas. Mereka juga seringkali berbicara masalah politik sehingga menyebabkan kerajaan Orde Baru marah. Dr Muhammad Natsir

melalui DDII dan Sjafruddin berdakwah melalui Kumpulan Mubaligh Indonesia banyak memberi pemahaman kepada pendakwah-pendakwah muda untuk bersikap berani kepada kerajaan. Setelah Muhammad Natsir wafat pada tahun 1993, DDII diamanahkan kepada Dr Anwar Hajjono.

## **Zaman Orde Baru**

Para tokoh Masyumi menganggap bahawa pengharaman Masyumi oleh Soekarno melanggar undang-undang. Menurut mereka, tidak ada bukti bahawa Masyumi sebagai pertubuhan terlibat dalam PRRI (Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia) Permesta. Namun disebabkan kekhawatiran kerajaan Orde Baru atas kejayaan Masyumi pada masa lalu yang akan memunculkan kembali kekacauan politik akibat krisis ideologi, akhirnya penubuhan semula Masyumi tidak dibenarkan.<sup>11</sup> Setelah berjaya menggagalkan harapan umat Islam untuk menubuhkan semula parti Masyumi, kerajaan telah membuat langkah selanjutnya pada tahun 1978 dengan memasukkan Aliran Kepercayaan ke dalam Garis-Garis Besar Haluan Negara (GBHN) dan Pedoman Penghayatan dan Pengamalan Pancasila (P4).<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Sebenarnya pandangan umum pada saat itu cenderung menginginkan penubuhan semula parti-parti politik yang diharamkan pada masa Orde Lama. Berbagai seminar yang dilakukan di Universitas Indonesia, KASI, LIPI, mendukung langkah rehabilitasi. Dalam Seminar Angkatan Darat II di Bandung juga disuarakan hal yang sama. Bahkan, Persahi (Persatuan Sarjana Ahli Hukum Indonesia) menegaskan bahawa pengharaman Masyumi dan PSI tidak berlandaskan hukum. Penubuhan semula kedua parti politik tersebut akan justeru memperkuat Orde Baru. Ken Ward (1970), *Foundation of the Partai Muslimin Indonesia*. Ithaca: Cornell University Press, h. 45.

<sup>12</sup> Ketetapan Majlis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia. Nombor II/MPR/1978 tentang (P4) Pedoman Penghayatan dan Pengamalan Pancasila (Ekaprsetya Pancakarsa). Musannef (1995), *Sistem Pemerintahan di Indonesia*, Jakarta PT Gunung Agung, h. 320.



Perjuangan awal politik umat Islam pada zaman Orde Baru dimulai dengan penubuhan Parmusi (Parti Muslimin Indonesia) iaitu setelah usaha untuk mengaktifkan semula Masyumi tidak dibenarkan oleh kerajaan. Pada 7 Mei 1967, ditandatangani satu pengisytiharan penubuhan Parti Muslimin Indonesia yang disokong oleh 18 NGO Islam yang bergabung dalam Badan Koordinasi Amal Muslimin (BKAM). Pada 6 Februari 1968, tertubuhlah Komisi 7 (Komisi Penubuhan Parmusi) yang terdiri daripada K.H. Faqih Usman sebagai presiden, Agus Sudono sebagai setiausaha dan sebagai anggota oleh Hasan Basri, Anwar Haryono, E.Z. Muttaqien, Marzuki Yatim, dan Samsurijal. Dalam keputusan Presiden Nombor 70 pada 20 Februari 1968 tentang penubuhan Parti Muslimin Indonesia, presiden parti ialah Djarnawi Hadikusumo dengan setiausahanya Drs. H. Lukman Harun.<sup>13</sup> Dengan kebenaran tersebut akan tergambar bahawa penguasa Orde Baru tidak berkesan menghalang umat Islam berpolitik sesuai dengan aspirasinya. Secara garis besarnya, Parmusi tidak dapat menyatukan politik umat Islam dan hal ini terbukti dengan perolehan suara yang sedikit dalam pilihanraya pertama Orde Baru pada tahun 1971 di mana Golkar sebagai parti baru yang didukung kerajaan memenangi pilihan raya tersebut.

Parti Persatuan Pembangunan (PPP) adalah sebuah parti politik yang ditubuhkan pada awal masa Orde Baru dan merupakan perpaduan dari empat buah parti Islam iaitu Nahdlatul Ulama (NU), Parti Muslimin Indonesia (Parmusi), Parti Syarikat Islam Indonesia (PSII) dan Persatuan Tarbiyah Islamiyah (Perti).<sup>14</sup> H.M.S. dilantik

---

<sup>13</sup> *Ensiklopedia Islam* (1994), Jakarta: PT Ichtiar Baru van Hoeve, h. 84; Hartono Mardjono SH.(1997), *Politik Indonesia (1996-2003)*. Jakarta : Gema Insani Press, h. 32

<sup>14</sup> PPP diistiharkan pada 5 Januari 1973, oleh pimpinan keempat parti politik yang membuat pakatan bersama dalam mesyuarat Badan Pekerja dan Pimpinan Fraksi. Mereka bersepakat mencantumkan parti-parti tersebut dalam satu parti politik. Pengisytiharan ditandatangani oleh masing-masing pemimpin parti iaitu: 1) KH. Idham Chalid (NU), 2) H.M Mintaredja (Mi), 3) H. Anwar Cokroaminoto (Si), 4) H. Rush Haul dan K.H masykur (NU). Kacung Marijan (1992), *Quo Vadis NU setelah kembali ke Khittah 1926*. Jakarta : Erlangga, hh. 105 - 106.

sebagai Presiden parti. PPP adalah parti politik Islam yang sememangnya ditubuhkan oleh kerajaan.

Perjuangan politik melalui pilihanraya dengan tujuan meraih kekuasaan adalah tujuan utama parti-parti politik termasuk Parti Persatuan Pembangunan (PPP). Oleh itu, dalam menghadapi pilihanraya para jurubicara Parti Persatuan Pembangunan berusaha berkempen bersungguh-sungguh untuk parti tersebut. Sejak permulaan berkempen, para tokoh parti sudah memahami dan memanfaatkan isu agama “Islam” sebagai satu-satunya cara yang dapat menjalinkan ikatan antara massa dengan partinya. Ini adalah sebagaimana fatwa yang dikeluarkan oleh K.H. Bisjani Sjamsuni sebagai Ketua Umum PPP ketika berkempen di mana beliau mengatakan:

*...menjadi teranglah kiranya, bahawa perjuangan Parti Persatuan Pembangunan termasuk jihad fi sabilillah atau berjuang di jalan Allah. Oleh kerana itu, wajib hukumnya bagi setiap peserta pilihan raya 1977 dan kalangan umat Islam lelaki mahupun perempuan, terutamanya bagi penyokong PPP, untuk turut menegakkan hukum dan agama Allah dalam kehidupan bangsa kita, dengan jalan memangkah tanda gambar PPP pada waktunya nanti ... maka barangsiapa di antara umat Islam yang menjadi pengundi tetapi tidak memangkah PPP, adalah termasuk orang yang meninggalkan hukum Allah S.W.T.<sup>15</sup>*

Parti Persatuan Pembangunan (PPP) berjaya membahas isu-isu agama yang menjadi tajuk utama dalam setiap kempenya hingga

---

<sup>15</sup> Harry Tjan Silalahi (1977), " The 1977 General Elections: The Result and the Rule of Tradional Authority Relations in Modern in The Indonesian Society", *The Indonesia Quarterly*, Vol. 3. Jakarta: CSIS, July 1977, h. 3 - 4.

menarik ramai umat Islam untuk menyokong parti tersebut.<sup>16</sup> Selama berlangsungnya kempen, PPP mengangkat cogankata-cogankata menunjukkan simbol-simbol keislaman seperti “Islam agamaku, Ka’bah kiblatku dan PPP pilihanku.”<sup>17</sup> Pada pilihan raya 1977 itu telah menunjukkan hasil yang gemilang bagi PPP. Walaupun PPP tidak menjadi pemenang tetapi pencapaiannya telah membuatkan kerajaan merasa tercabar. Walaupun pada awalnya kerajaanlah yang menubuhkannya, tetapi dengan berjalannya masa, PPP berubah menjadi satu-satunya parti pembangkang yang banyak mencabar kerajaan sama ada melalui kempen-kempennya mahupun ketika di dalam parlimen.

Pada peringkat kenyataan politik, penampilan PPP dalam memperjuangkan Islam nampak bersungguh-sungguh. Di antara perjuangan politik PPP yang berjaya membuahkan hasil dan disahkan undang-undang ialah tentang pendidikan agama yang menjadi sukatan pelajaran sejak Tadika sehingga Institusi Perguruan Tinggi.<sup>18</sup> PPP turut memberi sumbangan dalam meletakkan Mahkamah Syariah setaraf dengan Mahkamah Kerajaan.<sup>19</sup> PPP juga berjaya mengenenpikan segala bentuk perjudian yang telah beredar dalam masyarakat yang bernama Sumbangan Dermawan Sosial

---

<sup>16</sup> Identiti parti dapat ditumbuhkan dan diperkenalkan dengan gemilang oleh PPP dan keadaan tersebut menimbulkan kekhuatiran kepada pemerintah yang berkuasa. Bahkan, Panglima Komando Keamanan dan Ketertiban Laksamana Soedomo pada waktu itu telah meminta agar PPP tidak lagi berkempen dengan menonjolkan isu-isu yang berhubung kait dengan agama. Alasannya ini akan dapat mengancam ketenteraman serta persatuan dan kesatuan nasional. (*Harian Kompas*, edisi 12 April 1977, h. 1). Kemampuan PPP untuk menggalang massa dan membangkitkan emosi pengundi dengan isu agama, menumbuhkan optimisma di kalangan penyokong PPP bahawa mereka akan memenangi pithan raya. (*Harian Merdeka*, 30 Mac 1977, h. 2).

<sup>17</sup> *Panji Masyarakat*, No. 355 - 1 April 1982, tahun XXIT, h. 8.

<sup>18</sup> Keputusan DPR/MPR, Undang-Undang No. 2 Tahun 1989.

<sup>19</sup> Keputusan DPR/MPR, Undang-Undang No. 7 Tahun 1989.

Berhadiah (SDSB) yang kemudiannya menjadi permainan judi terakhir yang pernah dibuat oleh kerajaan.<sup>20</sup>

Pada mulanya PPP adalah satu-satunya parti pembangkang yang mendapat sokongan padu dari umat Islam untuk terus memperjuangkan aspirasinya. Sikap keras PPP telah membuatkan kerajaan merasa tercabar. Pelbagai cara digunakan oleh kerajaan untuk melemahkan parti ini, salah satunya adalah menjadikan Pancasila sebagai asas parti. Usaha kerajaan menjadikan asas Pancasila ke atas semua pertubuhan sama ada politik mahupun bukan politik membuahkan hasil. PPP tidak terlepas dari polisi ini menyebabkan ia terpaksa merubah asas perjuangan parti yang dahulunya berasaskan Islam kepada asas Pancasila. Perubahan asas ini telah meletakkan PPP setaraf dengan dua parti lainnya iaitu Golkar dan Parti Demokrasi Indonesia (PDI) dan ini telah menyebabkan merudumnya sokongan dari umat Islam. Sejak pilihan raya 1987, perolehan undi PPP merosot dengan teruk.

### **Setelah Reformasi 1998 dan Perjuangan Politik Umat Islam**

Setelah jatuhnya Presiden Soeharto pada tahun 1998, berlaku perubahan politik yang besar sekali di Indonesia. Pelantikan B.J. Habibie sebagai Presiden telah membuka peluang untuk mengamalkan demokrasi dengan sempurna. Beliau memberikan kebebasan kepada umat Islam untuk menubuhkan parti-parti baru yang sesuai dengan aspirasinya. Beliau juga memansuhkan undang-undang kerajaan yang menghadkan jumlah parti (PPP, Golkar dan PDI).<sup>21</sup>

---

<sup>20</sup> Mukhtamar IV PPP yang dilaksanakan pada 29 November 2 Disember 1998 di Jakarta “Orde Baru Dicabar, Simbul Kab’ah Diraih,” *Tempo*, 18 Januari 1999.

<sup>21</sup> Pada tarikh 1 Februari 1999, Presiden B.J. Habibie menandatangani tiga RUU Politik untuk disahkan menjadi undang-undang. Ketiga UU tersebut adalah UU No.2 Tahun 1999 tentang Parti Politik Lembaran Negara Nombor 22 Tahun 1999, Tambahan Lembaran Negara Nombor 3809), UU No.3 Tahun 1999 tentang Pilihan Raya (Lembaran Negara Nombor 23 Tahun 1999, Tarnbahan Lembaran Negara

Dalam jangkamasa kurang dari sepuluh bulan iaitu pada akhir Mei 1998 hingga permulaan Februari 1999, jumlah parti politik yang ditubuhkan mencapai 181 buah. Ini bermaksud dalam masa itu, setiap bulan ditubuhkan lebih kurang 18 parti baru atau setiap minggu tertubuhnya 4-5 buah parti. Pada tahun tersebut, para tokoh Islam berlumba-lumba untuk menubuhkan parti politik Islam sama ada parti politik yang berasaskan massa Islam mahupun parti yang berasaskan Islam. Terdapat 20 parti politik Islam yang berjaya menyertai pilihan raya pada tahun 1999, namun hanya beberapa parti sahaja yang mendapat simpati umat Islam antaranya adalah Parti Persatuan Pembangunan (PPP), Parti Kebangkitan Bangsa (PKB), Partai Amanah Nasional (PAN), Parti Bulan Bintang (PBB) dan Parti Keadilan (PK). Hanya PK sahaja yang merupakan satu-satunya parti pendatang baru di pentas politik Indonesia manakala empat parti yang lain mempunyai hubungan yang rapat dengan pertubuhan-pertubuhan sebelum ini.<sup>22</sup>

Tercatat nama-nama tokoh Islam nasional seperti Prof Dr Amien Rais iaitu pengasas PAN, Prof. Dr Deliar Noer pengasas Parti Ulama Islam (PUI), Dr Nur Mahmudi Ismail presiden PK dan lain-lain. Mereka berjuang bersama-sama untuk meruntuhkan kekuasaan

---

Nombor 3810), dan UU No.4 Tahun 1999 tentang Susunan dan Kedudukan MPR, DPR, dan DPRD (Lembaran Negara Nombor 24 Tahun 1999, Tambahan Lembaran Negara Nombor 3811). API (ALMANAK PARPOL INDONESIA), h. 586; Pada tarikh 3 Februari 1999, Menteri Dalam Negeri Syarwan Hamid sebagai Ketua Lembaga Pemilihan Umum (LPU) mengeluarkan Surat Keputusan nombor 06 Tahun 1999 tarikh 3 Februari 1999 tentang penubuhan Urusetia Persiapan Pembentukan Komisi Pemilihan Umum (P3KPU). P3KPU yang lebih dikenal dengan Kumpulan Sebelas. Kumpulan Sebelas terdiri daripada Prof Dr Nurcholish Madjid (ketua), Dr Adi Andojo Sutjipto (timbangan), Dr Adnan Buyung Nasution (naib ketua), Dr Andi Mallarangeng (setiausaha), Prof Miriam Budiardjo (ahli), Dr Kastorius Sinaga (ahli), Mulyana W. Kusumah (ahli), Eep Saifulloh Fatah (ahli), Rama Pratama (ahli), Dr Affan Gaffar (ahli), dan Arias Urbaningrum (ahli).

<sup>22</sup> PPP Parti Orde baru, PKB parti rasmi NU, PAN mendapat sokongan dan Muhammadiyah dan PBB mendapat sokongan dan ahli Masyumi.

Soeharto dan seterusnya menjadikan parti politik sebagai kenderaan untuk meraih kekuasaan. Mereka menyedari bahawa di zaman kebebasan berpolitik ini dengan diamalkan sistem demokrasi, parti politik merupakan satu-satunya alat untuk meraih kekuasaan kemudian melakukan perubahan-perubahan.

Dalam pilihan raya tahun 1999, Parti-parti Islam tidak banyak mendapat undi, tetapi sekiranya digabungkan hasil keseluruhan undi tersebut akan menjadi kekuatan yang besar. Kemunculan Paksi Tengah ini menarik perhatian bukan kerana jumlah suaranya yang besar, iaitu 34.2 peratus dan jumlah kerusi di Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) tetapi kerana langkah-langkah politik yang dilakukannya mampu mempengaruhi kehidupan politik di Indonesia dan memberikan pilihan kekuatan politik baru kepada masyarakat.<sup>23</sup>

Terdapat beberapa sebab yang menjadi latar belakang penubuhan Paksi Tengah di tengah-tengah persaingan politik yang sangat keras menjelang berlangsungnya Mesyuarat Agung Majlis Permesyuaratan Rakyat 1999 dan ketika berlakunya mesyuarat tersebut. Antaranya adalah pepecahan bangsa kepada dua kepemimpinan antara Megawati Soekarnoputri dan BJ. Habibie. Prof. Dr Amien Rais sebagai tokoh politik Islam memberikan pernyataan tentang penubuhan Paksi Tengah:

*“Dengan tertubuhnya Paksi Tengah akan membuka mata kedua belah pihak Megawati dan BJ. Habibie yang sedang bertikam lidah. Bahawa ternyata ada kekuatan lain yang lebih besar daripada mereka yang tidak boleh dipandang sebelah mata”.*<sup>24</sup>

---

<sup>23</sup> DPP Parti Keadilan, *Sikap Kami, Kumpulan Seruan dan Bayanat*. Jakarta: DPP Parti Keadilan, h. 80.

<sup>24</sup>Amien Rais (1999), ”Paksi Tengah, Gus Dur, dan Masa Depan Reformasi”, dalam ‘Abdurrahim Ghazali, *Gus Dur dalam sorotan Cendekiawan Muhammadiyah*. Bandung: Mizan, h. 53.

Perjuangan politik umat Islam yang dipersatukan dalam Paksi Tengah pada Mesyuarat Agung Majlis Permesyuaratan Rakyat 1999 telah berjaya memenangkan Prof. Dr Amien Rais sebagai ketua Speaker Parlimen yang menewaskan Matori Abdul Djalil dan kumpulan PDIP, dan K.H. Abdurrahman Wahid sebagai Presiden menewaskan Megawati Soekarnoputri. Seterusnya, dalam susunan Kabinet Nasional yang dirancang oleh Presiden terpilih, K.R. Abdurrahman Wahid juga banyak memasukkan tokoh-tokoh politik Islam dalam kabinetnya seperti Prof. Dr Yusril Ihza M sebagai Menteri Kehakiman, Hamzah Haz Menteri Kesejahteraan Rakyat, Nur Mahmudi Ismail sebagai Menteri Kehutanan dan Perkebunan dan lain-lain. Berikut adalah beberapa kejayaan perjuangan politik umat Islam:

1. Para tokoh politik muda Islam (pelajar Tarbiyah dan pelbagai universiti) berjaya memulai dan memimpin reformasi dan akhirnya menurunkan Soeharto.
2. Memansuhkan undang-undang yang berkaitan dengan jumlah Parti Politik yang pada zaman Orde Baru (ORBA) hanya tiga parti, setelah reformasi umat Islam bebas menubuhkan parti. Maka, tertubuhlah berpuluh-puluh parti politik dengan pelbagai asas, visi dan misinya.
3. Pancasila tidak menjadi asas wajib bagi pertubuhan politik dan NGO-NGO lainnya. Ia hanya sebagai asas bernegara sahaja.
4. Tertubuhnya Parti Keadilan, parti Islam pertama kali yang berasaskan Islam, kemudian baru diikuti parti-parti lainnya.
5. Kekuasaan presiden di masa hadapan hanya dihadkan kepada dua penggal sahaja, setiap sepenggal selama 5 tahun.
6. Mengadakan pemilihan Presiden dan Naib Presiden secara langsung, yang sebelumnya dipilih oleh anggota Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) dan Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) pusat.

7. Mengadakan pemilihan Gabenor dan naibnya, Dato' Bandar dan naibnya secara langsung di seluruh Indonesia, yang sebelumnya dilantik oleh Presiden dan Gabenor.
8. Memansuhkan Dwi Fungsi Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) dalam pemerintahan (peranan ABRI sebagai alat pertahanan negara dan pemerintahan sipil), memansuhkan keanggotaan fraksi Tentara Nasional Indonesia (TNI) dan keanggotaan MPR dan DPR yang sebelumnya mereka mendapatkan peruntukan sebanyak 100 orang tanpa bertanding.
9. Menghidupkan demokrasi dengan sebenar setelah sekian lama dikongkong oleh kerajaan.
10. Kebebasan berdakwah bagi seluruh pendakwah Islam di mana sahaja, tanpa adanya rasa takut dan pihak penguasa.
11. Pemisahan Jabatan pertahanan Tentara Nasional Indonesia (TNI) dan jabatan polis Polisi Republik Indonesia (PORLI).
12. Rakyat dan DPR/MPR bebas mengkritik kerajaan/Presiden sekiranya melakukan penyelewengan undang-undang atau GBHN. Kejayaan Dewan Perwakilan Rakyat/Majlis Permesyuaratan Rakyat menjatuhkan Presiden terpilih iaitu K.H. Abdurrahman Wahid kerana adanya perubahan undang-undang dan perkara tersebut tidak pernah berlaku pada zaman Orde Baru.
13. Kejayaan Partai Keadilan Sejahtera (PKS) yang berkoalisi dengan PD memenangkan Susilo Bambang Yudhoyono dan pasangannya sebagai Presiden menewaskan Megawati Soekarnoputri merupakan kemenangan parti dakwah ini menentang kumpulan parti-parti sekular PDI dan Golkar.

Dengan perjalanan masa, kini terdapat empat parti Islam yang besar di Indonesia iaitu PPP, PKB, PKS dan PAN. Adapun parti lainnya adalah parti-parti Islam yang kecil sekali penyokongnya. Bahkan untuk masa hadapan Indonesia, mungkin parti PPP dan PAN akan mengalami kemerosotan kerana tiada program parti yang jelas, pertelingkahan dalaman yang hebat dan semua ini menjadikan rakyat akan menjauh. Tidak menghairankan sekiranya suatu hari nanti PKS menjadi parti terbesar berdasarkan pencapaiannya selama ini.



Para tokoh PKS telah berjuang melalui partai politik dan berjaya menghantar 45 orang tokohnya di parlimen pusat. Kejayaan PKS dalam mengangkat presidennya merupakan pukulan bagi kalangan parti-parti sekular dan merupakan kemenangan tersendiri bagi parti dakwah yang dipimpin oleh para intelektual muslim muda Indonesia. Parti tersebut juga berjaya menghantar Dr Hidayat Nurwahid sebagai ketua Speaker Palimen dan tiga orang menterinya di dalam barisan kabinet Sosilo Bambang Yudhoyono.

## **Kesimpulan**

Indonesia telah dijajah oleh Belanda selama 350 tahun. Dalam masa penjajahan itu, bangsa Indonesia senantiasa berjuang untuk membebaskan diri dari penjajahan sehingga memakan korban yang banyak terutamanya umat Islam. Untuk menjadi wadah perjuangan umat Islam, ditubuhkan Syarikat Dagang Islam pada tahun 1905 M dan kemudiannya menjelma sebagai Parti Syarikat Islam Indonesia. Kemudian terbentuk wadah Gerakan Sosial Islam Muhammadiyah (1912) dan Nahdlatul Ulama (1926) serta organisasi yang lebih kecil. Setelah Indonesia mencapai kemerdekaan pada 17 Ogos 1945 terbentuk pula Parti Masyumi pada 7 November 1945 di Yogyakarta yang menggabungkan semua organisasi Islam dengan penyertaan Muhammadiyah dan Nahdatul Ulama sebagai pelopor utama. Namun Parti Masyumi dibubarkan oleh Sukarno. Pada masa Orde Baru, Parti-parti Islam diarahkan bergabung dalam satu wadah iaitu Partai Persatuan Pembangunan dengan komponen-komponennya terdiri dari empat buah Parti Islam iaitu Parmusi, Nahdlatul Ulama, Parti Syarikat Islam Indonesia dan Persatuan Tarbiyah Islamiyah. Setelah Orde Baru tumbang dan digantikan dengan era Reformasi, muncul Parti-parti Islam baru seperti Parti Kebangkitan Bangsa, Parti Amanat Nasional, Parti Umat Islam, Parti Bulan Bintang dan Parti Keadilan Sejahtera.